



Agenda penghijauan kampus dan penjimatan sering jadi keutamaan”

Daing Nasir Ibrahim,
Naib Canselor UMP

UMP tersenarai 97 terbaik dunia

Berita Harian (Pendidikan) 6/1/19 (Ahad) M/s: 44

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai pada kedudukan ke-97 terbaik dunia dalam Penarafan UI-Green Metric World University Ranking 2018, berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau serta pengurusan alam sekitar yang diumumkan baru-baru ini.

Pencapaian itu menyaksikan UMP memperbaiki kedudukan daripada tangga ke-107 bagi penarafan yang sama pada 2017.

Keputusan itu juga menjadikan UMP berada pada kedudukan ke-29 terbaik di Asia dan ke-16 di Asia Tenggara.

Penilaian itu dibuat berdasarkan enam kriteria utama, iaitu Keluasan Tanah dan Infrastruktur (15 peratus), Tenaga dan Perubahan Iklim (21), Sisa Buangan (18), Air (10), Pengangkutan (18) dan Pendidikan (18).

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri

Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata pencapaian itu adalah komitmen berterusan universiti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan.

Katanya, agenda penghijauan kampus dan penjimatan sering menjadi keutamaan pihaknya dalam setiap perancangan dan belanjawan tahunan.

Dibangun atas tanah paya

“Kampus utama UMP di Kuala Pahang, Pekan dibangunkan di atas tanah paya yang ditambah dengan tanah pasir antara cabaran utama kepada survival pokok ditanam.

“Bagaimanapun, cabaran ini bukan alasan UMP mengetepikan fokus bagi mewujudkan kampus yang hijau

dan lestari untuk warganya.

“Banyak kajian menunjukkan penggunaan baja organik sama ada daripada bahan tumbuhan atau sisa haiwan kepada tanah pasir akan meningkatkan kesuburannya dan sifat fizikalnya,” katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Beliau berkata, UMP juga mengamalkan konsep 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*) dalam menguruskan pelbagai jenis bahan buangan yang dihasilkan oleh universiti itu.

“Universiti turut memastikan satu sistem pengurusan berkesan dalam menyingkirkan bahan buangan universiti dan pelupusan sisa mapan serta bertanggungjawab,” katanya.

Daing Nasir berkata, amalan berbasikal sebagai pengangkutan popular dan menjimatkan penggunaan bahan api juga dapat mengurangkan pengeluaran dan pencemaran udara.